

Publication	Bernama	Section / Page	Online	Date	15 July 2021
Headline	Aplikasi Bites Takaful Malaysia Sedia Perkhidmatan Insurans Motor Kepada Pelanggan TFP				

KUALA LUMPUR, 14 Julai -- Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Bhd (Takaful Malaysia) telah bekerjasama dengan rangkaian runcit premium terkemuka di Malaysia, The Food Purveyor Sdn Bhd (TFP) bagi menjangkau segmen pelanggan baharu dengan menawarkan produk insurans kepada pembeli-belah barang runcit.

Kerjasama berkenaan adalah sebahagian daripada langkah strategik Takaful Malaysia dalam menjadikan inisiatif pemasarannya ke tahap baharu dengan menawarkan program kesetiaan digital Bites kepada ahli TFP.

Dalam kenyataan hari ini, syarikat insurans Islam itu berkata, aplikasi baharu secara dalam talian yang selamat dan lancar itu boleh digunakan untuk memperbaharui atau membeli insurans motor serta mendapat mata ganjaran Bites.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Takaful Malaysia Datuk Seri Mohamed Hassan Kamil berkata, menerusi aplikasi Bites yang boleh diakses dan dimanfaatkan oleh ahli dengan mudah, penawaran produk motor secara dalam talian melalui kerjasama ini, adalah tepat pada masanya bagi kedua-dua syarikat.

"Kami telah beroperasi dalam persekitaran pasaran yang mencabar akibat pandemik COVID-19 yang mendorong kami mengadaptasikan normal baharu dan merebut peluang dalam teknologi digital bagi meneroka peluang perniagaan baharu.

"Anda boleh terus yakin kerana insurans kini dipermudahkan dengan hanya beberapa klik melalui aplikasi Bites untuk memastikan keselamatan dan kesihatan ahli Bites, terutamanya ketika fasa kawalan pergerakan pada masa ini dan kebimbangan yang meningkat terhadap penularan pandemik," katanya.